

Jenis Akhbar : Sabah Baru News
Tarikh : 06/11/2021
Edisi / Muka Surat : <https://sabahbarunews.com/>
Tajuk : ANGKASA mahu aktiviti koperasi sekolah ditingkatkan

ANGKASA mahu aktiviti koperasi sekolah ditingkatkan



ANGKASA mahu memastikan aktiviti koperasi sekolah terus cemerlang dalam menjulang nama baik gerakan koperasi Malaysia hingga ke peringkat antarabangsa. **FOTO – ANGKASA**

KUALA LUMPUR, 6 Nov — Kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), MARA dan ANGKASA dalam mempromosi serta memberi peluang. Ini seperti latihan dan kursus perlu terus dimantapkan lagi.

Ini bagi memastikan aktiviti koperasi sekolah terus cemerlang dalam menjulang nama baik gerakan koperasi Malaysia. Ini hinggalah ke peringkat antarabangsa.

Timbalan Presiden ANGKASA, Datuk Kamarudin Ismail berkata, kejayaan koperasi sekolah di Malaysia amat membanggakan sehingga berjaya menjadi contoh dan ikutan oleh banyak negara.

beliau yang juga Pengurus Bahagian Koperasi Sekolah berkata hasil sokongan dan bantuan yang teguh di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), pelbagai program koperasi sekolah berjaya diselaras, diatur dan dilaksanakan dengan cemerlang.

“Sokongan padu daripada pihak yang terlibat juga diyakini dapat menjayakan sasaran ANGKASA. Ini untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 buah koperasi sekolah dapat mencapai sasaran perolehan RM1 juta. Ini dalam menjelang tahun 2030,” katanya. Ini ketika berucap dalam Perasmian Bengkel Pembangunan dan Pengembangan Perniagaan Koperasi Sekolah bersama Jawatankuasa Teknikal Koperasi Sekolah tahun 2021, disini hari ini.

Program tersebut diadakan bagi menyampaikan taklimat, laporan, rumusan serta pencapaian program koperasi sekolah sepanjang tahun ini.

Bengkel tersebut turut membincangkan mengenai perancangan aktiviti pelancongan koperasi sekolah. Dan lain-lain perancangan program pembangunan dan pengembangan koperasi sekolah bagi tahun 2022.

Sehubungan itu, Pengurus Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri (JPAN) Wilayah Persekutuan, Datuk Abdul Razak Hussain berkata, sehingga Disember 2021, bilangan koperasi sekolah di Malaysia yang mendaftar dengan SKM adalah sebanyak 2,457 buah dengan keanggotaan seramai 1,724,148 orang.

— [WACANA](#)